

BAB I

PENGENALAN

Bangunan tradisional adalah salah satu budaya benda kepunyaan masyarakat Melayu yang menggambarkan idea dan pemikiran penciptanya. Pembahagian ruang-ruang dalam rumah Melayu bersifat simbolik, yang bukan sahaja menggambarkan sempadan ruang tetapi juga menggambarkan nilai-nilai sosial, unsur-unsur tanggapan dan "world view" orang Melayu.

Keindahan dan kekacakan yang terdapat pada rekabentuk bangunan tradisional Melayu adalah hasil pemikiran, teknologi dan selera yang dimiliki orang Melayu. Karya-karya seniman pertukangan Melayu juga membayangkan jiwa, daya cipta dan kepakaran yang halus dan terkawal oleh nilai estetika, diilhamkan dari keadaan alam persekitaran mereka.

Pada hari ini warisan bangunan tradisional telah banyak diroboh dan diubahsuai serta diganti dengan bangunan baru. Keadaan ini disebabkan senibina tradisi itu tidak sesuai dengan citarasa dan usianya sudah lanjut. Keluputan warisan ini adalah suatu kehilangan tradisi tamadun senibina milik kita.

Jadi, sebelum warisan bangunan tradisional itu lenyap atau luput dari pandangan dan ingatan, adalah elok perkara itu dikaji dan didokumentasikan untuk tujuan rujukan generasi kemudian. Kajian yang dibuat adalah terhadap bangunan tempat kediaman, bangunan keagamaan dan bangunan yang bersifat sosial. Analisis juga dibuat terhadap konsep dan fungsi, ruang, adat dan kepercayaan, teknologi, struktur dan bahan berkaitan dengan senibina. Di samping itu, analisis juga dibuat tentang unsur-unsur simbolik yang terdapat pada bangunan tradisi.

Pada peringkat awal pembinaan sesebuah bangunan adalah untuk memenuhi fungsi gunanya sahaja, tetapi kemudian fungsi estetika diselitkan. Tesis ini mengandungi enam bab. Bab Pertama ialah sebagai pendahuluan mengenai kenapa kajian ini dibuat, skop kajian, kawasan kajian, dan kaedah kajian. Selain itu, kajian juga dibuat terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi bentuk senibina.

Bab Kedua ialah penghuraian tentang rangka konsep senibina tempatan. Penulis cuba melihat konsep dan fungsi bangunan, tempat kediaman, bangunan keagamaan dan bangunan untuk tujuan sosial. Selain itu, rujukan juga dibuat pada aspek-aspek yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan dalam proses membangunkan sesebuah bangunan.

Bab Ketiga membicarakan tentang jenis-jenis senibina yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Penumpuan diberikan kepada senibina rumah kediaman, masjid, surau dan wakaf.

Bab Keempat ialah penghuraian tentang teknologi, struktur dan bahan yang terlibat dalam proses membangunkan sesebuah bangunan. Dari sudut teknologi, diperjelaskan tentang kaedah dan peralatan yang digunakan oleh orang-orang Melayu. Dari segi struktur, penerangan diberi kepada sistem penyambungan dan pengemasan. Bahan juga menjadi bahan kajian yang memaparkan perhubungan dan penggunaan bahan-bahan persekitaran untuk mendirikan bangunan. Kemasukan pengaruh asing, dengan kemasukan bahan-bahan baru menyebabkan penggunaan bahan-bahan lama diketepikan (dipinggirkan).

Bab Kelima pula membicarakan tentang aspek-aspek ekspresif dan simbolik pada senibina Melayu. Dalam sesebuah bangunan terdapat ruang-ruang tertentu dan setiap ruang ini mempunyai fungsi-fungsinya. Bab ini juga memperlihatkan konsep dan fungsi ruang secara ekspresif dan simbolik pada senibina Melayu, terutama rumah kediaman. Dalam usaha menambahkan kecantikan sesebuah bangunan, ragam hias diperkenalkan. Ia bukan sahaja menonjolkan unsur-unsur seni tetapi sebaliknya terdapat juga simbol-simbol yang perlu dianalisis.

Bab terakhir, pengkaji cuba menyelami sudut pemikiran masyarakat Melayu berkaitan dengan bentuk, struktur dan komponen yang terdapat pada sesebuah bangunan.

Kajian ini diharap dapat mendedahkan pengetahuan yang tersirat masyarakat Melayu kepada umum berkaitan dengan ilmu senibina. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memaparkan pada generasi hari ini dan akan datang tentang berbagai-bagai idea, pemikiran, nilai dan world view masyarakat Melayu yang terdapat pada sesebuah senibina. Paling penting, kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada penyelidik kemudian dalam usaha mencari sistem pembinaan dan bentuk-bentuk pengembangan senibina tradisional dalam hubungannya dengan peningkatan apresiasi budaya, nilai-nilai tradisional dan keserasian lingkungan buatan.

1.1. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menghayati makna dan pengertian tentang simbol-simbol yang terdapat pada senibina Melayu tradisional berdasarkan contoh-contoh yang dapat dikesan. Kedua, berusaha mengumpul maklumat dan bahan berkaitan sebagai bukti kemampuan dan kebijaksanaan orang Melayu dalam bidang senibina, terutama dari aspek teknologi pembinaan dan pertukangan untuk dihayati, diwarisi dan seterusnya dijadikan panduan atau sempadan. Kajian ini juga merupakan suatu usaha untuk menyelami, menganalisis dan memahami 'alam pemikiran masyarakat Melayu' mengenai bahan ciptaan mereka (bangunan tradisional).

Kajian ini seterusnya bertujuan untuk mengisi kekurangan penulisan tentang senibina tradisi Melayu, khasnya tentang senibina di Negeri Terengganu.

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan untuk menambahkan khazanah ilmu dan seterusnya untuk melahirkan rasa bangga dan menyedari betapa tingginya nilai-nilai yang terkandung di dalam senibina tempatan.

Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti dan memahami ciri-ciri tradisi tempatan dalam senibina di Terengganu.

1.2. Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada budaya benda tradisional dalam bidang senibina yang terdapat di Terengganu. Kajian ini menumpukan kepada aspek sosial dan budaya yang berkaitan dengan senibina di Terengganu. Senibina bangunan yang dikaji tertumpu kepada rumah kediaman, masjid, surau dan wakaf.

Untuk tujuan ini, pengkaji akan melihat dan menganalisis ketiga-tiga bangunan tersebut dari setiap sudut, bermula dari proses memilih tapak, meramu bahan, jenis-jenis penyambungan dan proses penyambungan, struktur dan komponen serta peralatan yang digunakan dalam proses pembinaan itu.

Kajian ini juga menumpukan kepada jenis-jenis bahan yang digunakan untuk membina sesebuah bangunan. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi bentuk dan ruang pada sesebuah bangunan juga akan diberikan perhatian.

1.3. Kaedah Kajian

Untuk mendapatkan bahan dan maklumat, berbagai-bagai kaedah kajian telah digunakan. Kajian ini dibuat dengan cara menemuramah, meneliti di lapangan dan berasaskan bahan-bahan bertulis terdahulu.

Pada peringkat awal, kajian ditumpukan kepada bahan-bahan penerbitan dan penulisan berkaitan senibina tradisional Melayu yang terdapat di perpustakaan. Penulisan-penulisan ini dalam bentuk buku, majalah, tesis, kertas kerja dan rencana-rencana yang disiarkan di dalam akhbar yang berkaitan dengan senibina, khususnya senibina Melayu telah dirujuk.

Kaedah kedua, mengadakan kajian di lapangan melalui dua cara iaitu pertama, dengan pemerhatian secara langsung ke atas objek kajian yang terdapat di negeri Terengganu, khususnya di Kuala Terengganu.

Walaupun kajian ini berkaitan dengan Negeri Terengganu tetapi penumpuan khusus dilakukan di daerah Kuala Terengganu. Pemilihan daerah Kuala Terengganu berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Kuala Terengganu merupakan ibu negeri Terengganu dan pusat pemerintahan. Kebiasaanannya di sinilah berbagai-bagai golongan masyarakat bertumpu kerana kemudahan mendapatkan sumber-sumber pendapatan.

- ii. Daripada penelitian yang dibuat di daerah ini boleh dilihat kesemua jenis dan bentuk bangunan tradisional yang terdapat di Terengganu, yang jumlahnya masih banyak, sesetengahnya masih utuh.
- iii. Di daerah ini banyak kedapatan senibina yang menarik, malahan menjadi pusat pembuatan peralatan budaya seperti pembuatan perak, tembaga, tenunan songket, batik dan anyaman mengkuang.
- iv. Kuala Terengganu pernah menjadi pelabuhan antarabangsa pada abad ke-18 dan ke-19. Ekoran daripada berlakunya pertembungan berbagai budaya sama ada di kalangan suku bangsa Melayu mahupun budaya asing. Justeru itu, berlakunya proses difusi budaya di kalangan penduduk tempatan yang dapat memperkayakan khazanah budaya tempatan.
- v. Di daerah ini masih kedapatan sebilangan kecil tukang bangunan yang mewarisi kepandaian atau skil membina bangunan secara tradisional walaupun menggunakan teknologi moden.

iv. Terdapat projek pemuliharaan dan pengekalan bangunan tradisional Negeri yang ditempatkan di daerah ini iaitu di Kompleks Muzium Negeri Terengganu. Kesemua bentuk bangunan tradisional negeri telah ditempatkan di kawasan Muzium Negeri yang bertujuan menjadi contoh dan panduan kepada generasi akan datang mengenali jatidiri senibina tempatan.

Cara kedua, melalui penglibatan secara peribadi di dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan semula beberapa buah bangunan tradisi yang terdapat di Terengganu. Penyelidik telah berpeluang bersama beberapa orang tukang mengendalikan kerja-kerja memindah dan membangunkan kembali beberapa buah senibina Terengganu dari beberapa tempat ke kawasan Kompleks Muzium Negeri Terengganu.

Melalui penglibatan secara langsung, penyelidik telah mendapat gambaran yang jelas tentang sistem dan teknologi penyambungan dan cara-cara membangunkan sesebuah bangunan tradisional tempatan.

Kaedah ketiga, dengan mengadakan temuduga atau temubual dengan beberapa orang tukang dan penebang kayu di hutan, bomoh dan orang perseorangan yang pernah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembinaan bangunan tradisional dan juga mereka yang berpengetahuan tentang selok-belok berkaitan dengan bangunan tradisional tempatan.

Melalui kaedah-kaedah tersebut, penyelidik dapat mengumpulkan maklumat dan bahan untuk tesis ini.

1.4. Masalah Kajian

Semasa membuat kajian, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah. Masalah yang utama ialah tidak ramai tukang yang dapat menerangkan dengan jelas tentang unsur-unsur simbolik yang terdapat pada sesebuah rumah. Kebanyakan tukang lama yang berpengalaman telah meninggal dunia. Bagi tukang-tukang baru, mereka ini cuma tahu bertukang, dengan cara meniru tetapi tidak mengetahui makna-makna terselindung yang terdapat pada sesebuah bangunan terutama sekali rumah.

Masalah kedua ialah untuk mendapatkan bangunan tradisional Terengganu dalam bentuk asal adalah agak sukar. Kebanyakan bangunan tradisional yang masih wujud telah mengalami perubahan sama ada dari segi bahan, ruang dan struktur bangunan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, bagi mendapatkan gambaran bentuk asal bangunan tradisional adalah sukar. Selain itu, untuk melihat teknologi penyambungan tradisi dan cara membuatnya tidak diperolehi kerana bangunan yang baru dibina tidak lagi menggunakan sistem penyambungan sebagaimana kaedah tradisi.

1.5. Penulisan Mengenai Senibina Melayu Di Semenanjung Malaysia

Catatan terawal tentang senibina bangunan di rantau ini telah ada semenjak abad ke-8. Hal ini terbukti daripada 'relief' yang terdapat pada dinding Candi Borobodor di Jawa, Indonesia. Rumah yang digambarkan itu diperbuat daripada kayu dan berpanggung. Bagi Semenanjung Tanah Melayu, catatan awal dibuat oleh Ma Touan Lin₁ pada abad ke-13 yang menekankan senibina rumah-rumah di Tchin La (Republik Khmer) mempunyai persamaan dengan senibina Tchi Tou (Patani).

¹Mubin Sheppard, 1969, Traditional Malay House in Terengganu and Kelantan, *JMBRAS*, Vol. 42, Part 2..

Gambaran senibina tradisional Melayu yang indah dan bermutu tinggi ialah berkenaan dengan keterangan tentang senibina Istana Sultan Melaka yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Catatan lain dibuat oleh pelawat-pelawat asing seperti Duarte Barbosa₂ (1511-1515) dan Tome Pires (1512-1517)₃ berkenaan dengan rumah masyarakat Melayu Melaka selepas Portugis berjaya menakluki Melaka.

Pada tahun-tahun 1770-an, Hsieh Ching Kau₄ mencatatkan tentang kota pemerintah Kelantan. Keterangan mengenai rumah-rumah Melayu banyak dibuat oleh pegawai-pegawai Inggeris di Tanah Melayu pada awal abad ke-19 seperti T.J. Newbold (1839)₅, Hugh Clifford (1874)₆, Major J.F.A. Mc Nair (1874)₇, dan Isabella L. Bird (1879)₈. Bird memberi ilustrasi sebuah rumah Melayu di Kuala Kangsar.

2. Mansel Longworth Dame, 1921, *The Book of Duarte Barbosa*, Vol. 2, London: Bedford Press.

3. Armando Cortesao, 1944, *The Suma Oriental of Tome Pires and The Book of Francisco Rodrigues*, London, Council of Hakluyt Society, hlm Plate V dan X.

4. W.W.F. Tweedie, 1956, *An Early Chinese Account of Kelantan* dlm JMBRAS, Vol. 26, Part I..

5. T.J. Newbold, 1839, *Practical and Statistical Account of the British Settlement in the Straits Settlements*, Vol. 2, London hlm. 63.

6. Hugh Clifford, 1874, *Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan* dalam *The Geographical Journal*, Vol. IX, No. 1, January.

7. Major J.F.A. Nair, 1878, *Perak and The Malays*, London: Tinsley Bros.

8. Isabella L. Bird, *The Golden Chersonese*, 1967, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 138.

Pada peringkat awal banyak catatan telah dilakukan tentang rumah di sebelah Pantai Barat Semenanjung. Winstedt pada tahun 1909 telah membuat ilustrasi bahagian-bahagian rumah Melayu di Perak dan diterbitkan oleh JMBRAS pada tahun 1929.

Pada tahun 1934, MacDonald telah menulis mengenai ciri-ciri persamaan bentuk bumbung rumah Minangkabau di Semenanjung dan Sumatra dengan rumah masyarakat Madagaskar yang dipercayai berasal dari kelompok yang sama. Pada tahun 1956, Hilton telah mengeluarkan laporan kerja-kerja lapangan mengenai senibina rumah Melayu Perak.

Kajian ilmiah terawal mengenai rumah Melayu oleh pengkaji tempatan dimulai oleh Mohd Hussaini bin Abdul Jamil, seorang mahasiswa Universiti Malaya pada tahun 1960. Beliau menulis tentang bahagian dan fungsi ruang pada rumah rakyat Melayu, di Perak.

Tentang senibina Pantai Timur pula telah ditulis oleh Mubin Sheppard pada tahun 1969. Tajuk tulisannya ialah "Senibina Melayu di Terengganu dan Kelantan". Penulisan ini dapat dianggap sebagai catatan terawal tentang rumah dan senibina di Pantai Timur. Penulisan ini menerangkan struktur dan bentuk rumah tiang 12.

9. Mohd Hussaini bin Abdul Jamil, "Rumah Melayu", *latihan ilmiah* tidak diterbitkan di Jabatan Pengajaran Melayu, Universiti Malaya 1960. No. Rujukan 623.2 Mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya.

Secara keseluruhannya, bolehlah dikatakan bahawa sebelum kemerdekaan tulisan mengenai senibina tempatan yang ditulis oleh orang-orang luar tertumpu di sebelah Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pada tahun 1971, penulisan mengenai rumah Melayu yang ditulis oleh anak tempatan telah mula menyerlah ekoran Kongres Kebudayaan Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan¹⁰.

Penulisan mengenai senibina semakin rancak selepas tahun-tahun 1980-an ekoran satu seminar ke arah mewujudkan identiti senibina kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan¹¹.

Penulisan mengenai senibina tempatan dipesatkan lagi dengan penulisan orang-orang perseorangan dan pensyarah pusat pengajian tinggi antaranya ialah Farid Wardi Sudin, Lim Juan Yee, Halim Nasir, Zulkifli Hanafi, Philip Gibbs dan Raja Bahrin.

10. Antara kertas kerja Kongres ialah, Ezrin Arbi, *Pengaruh Senibina Asing di Malaysia*, Hijjas Kasturi, *Senibina Serumpun di Tanah Melayu*, Rezali Wahid, *Kerajaan Senibina Selepas Merdeka*, Fauziah Kamal, *Senibina Kebangsaan Untuk Pembangunan Negara*, Mubin Sheppard, *Senibina Asli yang Terdapat di Semenanjung*.

11. Senarai kertas kerja tersebut ialah Farid Wardi Sudin, *Pengenalan Senibina*, Zakiah Hanum, *Senibina Kebangsaan - Kajian & Dokumentasi*, Kenneth Yeang, *Notes on Regional Influences Effecting Design*, Hassan Muhamad, *Pengenalan Senibina Menerusi Cara Hidup*, Hajeeedar Hj. Abd. Majid, *Sejauh Manakah Perkembangan Senibina Kita Sehingga Hari Ini?*, Roslan Khalid, *The Role of Petronas In The Development of Art and Architecture*, Ikmal Hisham Al-Bakri, *Persejarahan Senibina*, Syed Ahmad Jamal, *Senirupa dan Senibina*, A. Halim Nasir, *Rumah Bumbung Perak*, A. Aziz Tapa, *Ke Arah Perancangan dan Perlaksanaan Senibina Kebangsaan*, Abd. Rahim Abdullah, *Pengenalan Senibina Melalui Aspek-Aspek Fizikal*.

Selain itu, pelajar-pelajar universiti tempatan juga digalakkan membuat kajian tentang senibina tempatan untuk latihan ilmiah sama ada untuk memperolehi diploma, ijazah pertama mahupun ijazah lanjutan. Bagi Universiti Teknologi Malaysia, pelajar-pelajar Jurusan Senibina digalakkan membuat lukisan terukur dan dokumentasi senibina tempatan. Begitu juga dengan pelajar-pelajar Jabatan Seni Reka dan Jabatan Senibina, Institut Teknologi Mara turut membuat kajian yang sama.

Berkenaan dengan senibina Terengganu sehingga kini, penulisan yang diterbitkan adalah terhad dan perbicaraan hanyalah ke atas sejenis rumah sahaja iaitu rumah tiang 6 oleh Raja Kamarul Bahrin Shah. Kajian-kajian lain yang dibuat oleh pelajar Universiti Teknologi Malaysia¹² dan Institut Teknologi Mara belum lagi diterbitkan dan perbicaraannya hanyalah tertumpu kepada lukisan terukur. Jadi kesemua kajian ini tidak membicarakan keseluruhan aspek rumah dalam konteks budaya Melayu sama ada dari segi sosial, ekonomi atau seni.

12. Senarai kajian lukisan terukur UTM 1976-1996 mengenai senibina Terengganu dapat dilihat pada prospektus *KALAM* Fakulti Alam Bina UTM 1996 hlm. 5-11.


2.1. Latar Belakang Kawasan Kajian

Negeri Terengganu letaknya di garisan bujur antara 102.25' - 103.5' dan garisan lintang 4-5'.5'. Bahagian Utara dan Barat Laut bersempadan dengan Negeri Kelantan iaitu di sebelah Laut Pulau Susu Dara menuju Palakan, Beris Pak Abu, Alor Nibong, Bukit Kubu dan Bukit Yong mengikut bengkang bengkok Sungai Semerak. Sebelah Selatan dan Barat Daya bersempadan dengan Negeri Pahang dan sebelah Timur ialah Laut China Selatan. (Peta 1)

Negeri Terengganu beriklim khatulistiwa, mengalami musim panas dan lembap sepanjang tahun. · Sukatan suhu di antara 18.3°C hingga 33.9°C . Musim hujan bermula dari bulan November hingga Januari yang dikenali dengan musim Monsun Timur Laut. Pada musim ini aktiviti kelautan dan daratan banyak terganggu.

Kedudukan Negeri Terengganu di sebelah Pantai Timur Semenanjung lebih terdedah kepada tamadun Tanah Besar China. Selain itu, kedudukan Semenanjung di tengah-tengah perjalanan perdagangan Timur dan Barat, menjadikannya penting sebagai tempat pertemuan dua budaya iaitu Timur dan Barat.

Peta I: Daerah-Daerah di Negeri Terengganu



Penggunaan kapal-kapal layar atau jalan laut telah menyebabkan munculnya beberapa buah pelabuhan di negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu seperti Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Berpandukan peta yang dibuat oleh Ptolomy, terdapat dua buah pelabuhan utama di bahagian Timur Semenanjung Tanah Melayu iaitu Primula dan Kole. Wujudnya pelabuhan ini menjelaskan kepada kita bahawa semenjak abad ke-2, pelabuhan ini telah menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang di kawasan Laut China Selatan. Pelabuhan Primula ialah Kuala Terengganu dan Kole ialah Kemaman.¹³

Berdasarkan kepada catatan pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masehi, pada masa itu sudah ada pemerintah yang beragama Islam yang bergelar Seri Paduka Tuan, Raja Mandalika. Selain itu, menurut teks *Sejarah Melayu* pada abad ke 15 pemerintah Terengganu berketurunan Megat, dan salah seorang panglimanya bergelar Megat Panji Alam yang berlawan dengan Hang Tuah di Indera Pura. ¹⁴

Pada abad ke-15 juga Kerajaan Champa telah jatuh ke tangan orang-orang Annam dan mereka telah melarikan diri ke Selatan.

13. Muhamad Saleh Bin Haji Awang, 1992, *Sejarah Darul Iman hingga 1942*, Kuala Terengganu, Persatuan Sejarah Cawangan Tengganu, hal 12.

14. *Hikayat Hang Tuah*, 1968, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 218 - 222

'The Chams, a people of ancient Malay Stock who were muslim and spoke a form of the Malay language were driven from their country which was located in the area which is now called Vietnam, when it was over run by the Anamese in 1471.'¹⁵

Ada pendapat mengatakan sebelum kedatangan Sultan Zainal Abidin Pertama, Negeri Terengganu diperintah oleh pembesar-pembesar dari Johor. Zainal Abidin juga merupakan anak pembesar Johor tetapi telah dibesarkan di istana Raja Patani.

Pada tahun 1726 Tun Zainal Abidin bersama-sama dengan 80 kelamin dari Patani telah tiba di Hulu Terengganu. Kemudian Baginda telah ditabalkan menjadi Raja bagi Negeri Terengganu bertempat di Kampung Tanjung Baru, Kota Batang Mahang dan bergelar Sultan Zainal Abidin¹⁶. Sultan Zainal Abidin merupakan salah seorang anak kepada Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Paduka Seri Maharaja, Bendahara XIX Johor).

Sebelum jentera diperkenalkan, pergerakan kapal-kapal dagang bergantung kepada tiupan angin. Pedagang-pedagang dari India dan Arab datang ke Semenanjung Tanah Melayu semasa tiupan angin Barat Daya dan pulang ke India semasa tiupan angin Timur Laut.

15. Sheppard M, *Opcit*, hal. - 14

16. Muhamad Salleh Bin Haji Awang, *Opcit* hal. 106
Ada bukti yang menyatakan Pengkalan Chepa di Kelantan merupakan pengkalan masyarakat Champa semasa mereka datang ke Kelantan.

Pedagang dari China sebaliknya pula, iaitu datang semasa angin Timur Laut dan pulang semasa angin Barat Daya. Jadi, semasa menunggu perubahan angin, mereka tinggal sementara waktu di Semenanjung. Dalam tempoh menunggu inilah berlakunya interaksi mereka dengan penduduk tempatan dan berlakunya proses difusi budaya.

Walaupun kedudukan Terengganu agak jauh daripada pusat pengaruh Barat di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, tetapi terdedah kepada tamadun tanah besar Negeri China. Negeri Terengganu telah lama didatangi orang-orang China, iaitu sebelum Melaka muncul sebagai sebuah pelabuhan. Tamadun China dan Indo-China telah tersebar dan mempengaruhi penduduk Terengganu. Walaupun tidak ada tinggalan agung seperti di Indonesia tetapi senibina yang masih wujud dan kekal pada hari ini banyak menampakkan ciri-ciri persamaan, terutama sekali yang terdapat di Indo-China. Selain itu, Terengganu dan Kelantan merupakan dua buah negeri yang kaya dengan warisan budaya berbanding dengan negeri lain di Semenanjung.

Bancian ringkas yang dibuat pada pertengahan abad ke-19 menunjukkan kesenian tradisional yang berasal dari Ligor dapat dilihat di Kelantan dan Terengganu yang telah menjalankan hubungan yang erat dengan Patani dan menumpukan perhatian kepada seni anyaman, perusahaan logam dan ukiran kayu.¹⁷

2.2 Penduduk Terengganu

Menurut catatan, manusia Melayu berasal dari Yunani, Selatan China atau Utara Vietnam. Teori ini dikemukakan oleh Sarasin bersaudara pada tahun 1892-1893. Menurut mereka, suku penduduk asli yang dinamakan Vedda sudah wujud di alam Melayu sejak 5,000 tahun dahulu⁽¹⁸⁾. Kehidupan mereka ini mengembara, bergantung kepada sumber alam. Ras rumpun Melayu datang ke alam Melayu dalam dua gelombang. Gelombang pertama sekitar 3000 hingga 1500 tahun sebelum masehi yang dikenali sebagai Melayu Proto (Proto Malay) berhijrah ke Alam Melayu dari Yunnan, Selatan China. Dari sudut ketamadunan masyarakat itu masih berada pada tahap zaman batu awal, batu lama dan pertengahan. Penempatan mereka di tepi laut dan sungai yang bersesuaian dengan kemudahan mendapatkan bahan-bahan makanan.

17. Sheppard M., 1972, *Taman Indera*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal-15

18. J. Collins, 1953, Istilah Melayu proto: Takrif etnografi, linguistik dan Arkeologi, dalam Nik Safiah Karim (editor) *Tinta Kenangan*, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hal. 76

Gelombang kedua berlaku sekitar tahun 1500 hingga 3000 T.M. Kumpulan ini dikenali sebagai 'Melayu Deutro'. Penghijrahan mereka telah mengambil alih penempatan Melayu Proto.

Teori Sarasin telah disokong oleh Heine-Geldern yang menyatakan kawasan-kawasan yang ditemui artifak zaman neolitik dikaitkan dengan fenomena migrasi dari Utara ke Selatan.

Hall menyatakan,

'sungguhpun pendapat sekarang tidak bersetuju dengan teori Sarasin yang menyatakan ada dua gelombang kedatangan orang Melayu itu ke kawasan ini. Pertama, kedatangan Melayu Proto yang membawa kebudayaan neolitik yang maju dan kedua kedatangan Melayu Deutro yang membawa kebudayaan gangsa, besi, tapi setakat ini masih belum dapat dipastikan apa yang sebenarnya telah berlaku' (19).

Coedes, seorang ahli sejarah tidak bersetuju dengan teori penghijrahan beramai-ramai ini, kerana beliau merasakan adalah perlu dalam keadaan tertentu untuk melihat peningkatan kemajuan cara hidup masyarakat pada zaman neolitik dan tidak berpandukan kepada penggunaan alat batu kepada alat-alat dari gangsa sebagai perkembangan satu budaya atau satu bahasa dan bukan hasil dari penghijrahan fizikal sebenar. (20)

19) D.G.E.Hall, 1979, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur, terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi kedua, hal 9.

20) G. Coedes, 1963, *The Indian States of South East Asia* - Ed. Walter F. Vella, trous, Susan Brown Corning, University Press of Hawaii, Honolulu 3rd Edition, hal.11

Kesangsiian pertama tentang teori itu telah dikemukakan oleh Mubin Sheppard,

'The theory put forward by professor R von Heine - Goldern and others that the mainland of South-East Asia was populated by waves of different people who migrated south from the region now known as Yunnan, at least ten millenia ago, is no longer acceptable, and it is probable that most of the mainland of South-East Asia has been occupied by indigenous people since human habitation began. In the course of many millenia the people whom we now know as Chinese, Thais, Khmers, Vietnamese and Malays, developed their individual identity, their different languages, distinctive cultures and forms of government, while living continuously in portions of their own area of the South-East Asian Mainland. (21)

Penemuan artifak arkeologi seperti yang dikemukakan oleh Mubin Sheppard telah menunjukkan percanggahan fakta dengan teori migrasi orang Melayu.

21) M.Sheppard, 1986, *A Royal Pleasure Ground, Malay Decorative Arts and Pastimes*, London, Oxford University Press,Kuala Lumpur, hal 2-3.

Nik Hassan telah membuat kenyataan mengenai perkara yang sama sebagaimana berikut:

'Teori migrasi penduduk dari Yunnan atau mana-mana tempat di Asia ke Alam Melayu di zaman pra-sejarah mengikut gelombang iaitu gelombang proto-Melayu dan gelombang Deutro-Melayu yang dipercayai umum pada hari ini tidak dapat dibuktikan. Sejak mendiami Alam Melayu berdasarkan kepada bukti-bukti arkeologi, pada tahap 35,000 ke 11,000 tahun dahulu, manusia di Alam Melayu yang berasal dari satu baka mengamalkan kebudayaan yang sama. Ini kerana di waktu itu Alam Melayu merupakan sekeping tanah besar Pentas Sunda dan Pentas Sahul timbul kerana dunia pada waktu itu berada pada zaman air batu (pleistocene) dan paras air laut turun. Manusia boleh bergerak di Alam Melayu tanpa memerlukan perahu. Pada 11,000 ke 5,000 tahun corak hidup dan teknologi manusia di seluruh Alam Melayu tidak banyak berbeza daripada zaman sebelumnya. Walaupun manusia di Alam Melayu telah terpisah-pisah akibat daripada kelahiran zaman panas (Holosen) dan kenaikan paras laut yang menenggelami Pentas Sunda dan Sahul, tetapi selepas 5,000 tahun dahulu, corak hidup dan pencapaian teknologi lebih maju'. (22)

Wan Hashim Wan Teh menegaskan

'Berasaskan kepada fakta ethnografi yang diperolehi semasa kunjungan ke wilayah Yunnan baru-baru ini iaitu dari bahan penyelidikan yang sediada, penulis membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat bukti jelas yang menyokong teori yang menyatakan ras Melayu adalah berasal dari Yunnan. Dengan ini dibuat kesimpulan bahawa Alam Melayu adalah sebenarnya tempat asal atau 'tanah rumah' ras Melayu polinesia. (23)

22) Nik Hassan Shuhaimi A. Rahman, 'Pandangan Arkeologi' Berita Harian, 6 September 1994.

23) Wan Hashim Wan Teh : *Kertas kerja Teori Migrasi dan Asal Usul Ras Melayu*, Majlis polimik Sejarah Malaysia, anjuran Arkib Negara Malaysia 18 Oktober 1994.

Kalau dilihat hasil-hasil penemuan arkeologi didapati manusia telah wujud di alam Melayu lebih awal daripada penghijrah masyarakat Yunnan sebagaimana dinyatakan oleh Sarasin. Tanah Melayu telah didiami oleh manusia semenjak 40,000 tahun dahulu berdasarkan penemuan rangka manusia zaman purba (perak man) dan peralatan batu zaman Hoabinhian (12,000 S.M)

Mereka telah bertapak begitu lama di Kepulauan Melayu sedangkan pengwujudan masyarakat Yunnan dikatakan sekitar 5,000 tahun dahulu.

Kedua, di tanah asal orang Melayu (teori Sarasin) Yunnan pada masa sekarang tidak terdapat tinggalan atau saki-baki bangsa Melayu, yang ada hanyalah 26 suku bangsa yang lain.

Berdasarkan sejarah lisan, sebelum muncul kerajaan Melayu di Negeri Terengganu, negeri ini didiami oleh kaum Sakai, Pangan atau Semang. Golongan ini berpindah ke gunung-gunung dan ke hulu-hulu sungai apabila datangnya orang-orang Melayu yang berasal dari Kemboja dan Champa melalui Indo Cina mengikut jalan sebelah pantai Timur Semenanjung Tanah Tanah Melayu dan menduduki negeri ini.⁽²⁴⁾

24) Muhamad Salleh Haji Awang, *Opcit*, hal.-12

Perak man ditemui di Kota Tanpang, Perak, tapak Hoabin juga ditemui di Gua Cha Hulu Kelantan, Gua Bewah dan Gua Taat di Terengganu


Kesultanan dan pemerintah Terengganu yang mewarisi kerajaan sekarang bermula pada tahun 1726 dengan pertabalan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu. Tun Zainal Abidin dibesarkan di Patani dan semasa ditabali, Baginda membawa 80 keluarga dari Patani dan diberikan kawasan tempat tinggal di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Kampung Patani. Selepas munculnya Kerajaan Terengganu, terbinalah hubungan dengan kerajaan lain yang dilakukan oleh pemerintah Terengganu. (Lihat lampiran I)

Selain itu, kemasukan ethnik lain ke Terengganu juga bertambah sama ada melalui perkahwinan, ataupun perdagangan. Justeru itu wujudlah berbagai corak tradisi budaya dalam masyarakat Melayu Terengganu.

1.8 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Senibina Tempatan

Rumah merupakan keperluan asas yang amat penting kepada manusia. Begitu juga bangunan lain seperti masjid, surau dan wakaf yang dibina bagi memenuhi kehendak dan citarasa seseorang atau masyarakat setempat dan ada hubung kait dengan kehidupan seharian. Terdapat berbagai-bagai perkara yang mempengaruhi bentuk sesebuah senibina. Antara faktor-faktor tersebut ialah agama, iklim, sosial dan alam sekitar.

SALASILAH SULTAN ZAINAL ABIDIN I



Sumber : Muhammad Salleh bin Haji Awang, 1992,
Sejarah Darul Iman Hingga 1942,
Kuala Terengganu, Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Terengganu, hal. 405.

1.8.1 Agama

Sebelum kedatangan Islam ke negara ini, orang Melayu mewarisi kepercayaan animisme. Mereka ini memuja hantu, semangat atau penunggu. Oleh sebab itu, mereka percaya kuasa ghaib dan makhluk halus yang menentukan hidup mereka. Mereka juga percaya bahawa semua kejadian alam, seperti sungai, laut, busut, bukit dan pokok-pokok ada penunggu. Setiap penentangan terhadap kuasa-kuasa itu dipercayai boleh menyebabkan sakit atau susah. Sehubungan dengan itu, setiap perkara yang hendak dilakukan, pawang atau bomoh dipanggil. Sebagai contoh dalam menentukan tapak sesebuah rumah, bomoh dipanggil. Masyarakat dahulu melarang mendirikan rumah di kawasan busut dan bekas perigi kerana tempat-tempat ini dipercayai tempat kediaman hantu jembalang.

Apabila orang Melayu telah memeluk agama Islam, mereka tidak lagi percaya kepada kuasa ghaib dalam rangka animisme mereka tetapi menyembah Allah yang mencipta langit dan bumi. Oleh itu, selepas kedatangan Islam, orang Melayu berpandukan Islam apabila membina rumah dan bangunan-bangunan lain terutamanya dalam orientasi rumah dan mendirikan rumah menghadap kiblat. Selain daripada itu, ruang di antara lelaki dan perempuan dipisahkan.

1.8.2 Iklim

Iklim turut mempengaruhi bentuk senibina tradisional. Iklim khatulistiwa yang panas sudah tentulah memerlukan satu bentuk senibina yang dapat didiami penghuninya pada waktu siang. Oleh itu, bangunannya berbumbung tinggi dan curam sementara ruang dalam pula terbuka.

Bumbung yang tinggi dan curam dapat mempercepatkan larian air hujan yang turun dengan lebat sewaktu musim hujan. Selain itu, bentuk berkenaan juga dapat melindungi panahan cahaya matahari di mana sinaran matahari dapat diagihkan kepada ruang bumbung menyebabkan suasana dalam rumah lebih sejuk.

Orientasi arah timur barat juga dapat mengurangkan sinaran matahari ke dalam rumah terutama bahagian serambi atau selasar. Oleh itu ruang ini adalah sesuai sebagai tempat berhat atau melayan tetamu terutama pada waktu petang.

Bangunan tradisional Melayu juga dibina secara bertiang atau berpanggung, di mana lantai lebih tinggi daripada tanah. Kebanyakan kawasan penempatan adalah di sepanjang pantai dan tanah rendah. Pada musim hujan, kawasan atau tanah tersebut kerap banjir dan dipenuhi air.

Selain itu, rumah bertiang membolehkan udara bergerak naik daripada bawah rumah dan keluar melalui ruang bumbung. Begitu juga udara daripada atas bergerak turun melalui celah-celah lantai. Keadaan ini membolehkan penghuni tinggal dalam rumah dengan selesa. Rumah bertiang juga dapat mengelakkan penghuni daripada diserang binatang berbisa yang merayap.

1.8.3 Sosial

Bentuk-bentuk bangunan tradisional terutama sekali rumah kediaman, mempunyai kaitan dengan sistem nilai dan kehendak-kehendak sosial sesebuah masyarakat,. Sehubungan dengan itu, pembentukan ruang-ruang pada sesebuah bangunan tradisional menggambarkan adanya hubungkait dengan kehendak-kehendak sosial yang berkaitan dengan adat resam, peraturan dan kepercayaan.

Kedatangan Islam telah mengubah cara hidup dan hubungan sosial masyarakat Melayu. Islam menghalang pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Sehubungan dengan itu dalam sesebuah rumah diadakan ruang-ruang tertentu yang dapat memisahkan tempat lelaki dengan perempuan. Pada sesebuah rumah terdapat dapur yang dikhaskan kepada golongan wanita dan bahagian selasar dan serambi untuk kaum lelaki. Begitu juga dengan pembinaan masjid dan surau, ruang lelaki dan perempuan diasingkan.

Konsep ruang terbuka pada rumah Melayu juga menggambarkan ruang-ruang ini dapat digunakan untuk berbagai tujuan sama ada untuk memenuhi kehendak keluarga maupun kehendak sosial. Ruang-ruang yang tidak berbilik membolehkan majlis perjumpaan beramai-ramai seperti kenduri kahwin, bercukur kepala dan banyak lagi upacara-upacara yang terdapat dalam masyarakat Melayu dapat diadakan di dalam rumah. Ketika upacara kenduri-kendara diadakan, kaum lelaki akan berkumpul di bahagian hadapan rumah, iaitu di bahagian serambi dan kaum wanita di bahagian belakang rumah, iaitu di dapur. Selain upacara kenduri, ruang ini juga digunakan untuk menerima tetamu lelaki dan perempuan.

Sempadan kawasan rumah dalam masyarakat tradisional tidak mempunyai pagar yang tetap tetapi sekadar ditanam pokok sebagai tanda sempadan. Ia bertujuan menyatakan bahawa sesebuah rumah itu sentiasa bersedia menyambut tetamu. Hal ini terjadi kerana masyarakat Melayu mengamalkan cara hidup bekerjasama dan mempunyai sikap terbuka terhadap jiran. Selain itu mereka mempunyai sifat sedia menerima tetamu. Tambahan pula sesebuah penempatan tradisi, kebiasaannya terdiri daripada satu kelompok yang mempunyai hubungan kekeluargaan.

Kemasukan pengaruh luar telah mempengaruhi pemikiran orang Melayu, ke arah nilai kebendaan. Justeru itu, bentuk rumah diubahsuai supaya dapat menggambarkan status dan darjat penghuni sesebuah rumah.

1.8.4 Alam Sekitar

Dalam kehidupan seharian, anggota-anggota masyarakat sentiasa berhubung rapat dengan alam persekitaran yang terdapat di sekeliling mereka. Mereka sentiasa cuba memanfaatkan bahan-bahan yang ada di sekeliling sama ada untuk makanan atau perlindungan. Bahan-bahan yang digunakan untuk mendirikan sesebuah bangunan tradisi terdiri daripada kayu-kayu keras, bumbungnya diperbuat daripada daun seperti nipah, bertam dan rumbia, dindingnya daripada papan, buluh, batang pinang dan nibung.

Dari segi teknologi pembinaannya, untuk menguat dan mengemaskan penyambungan bangunan, orang-orang Melayu menggunakan akar kayu dan rotan untuk mengikat, sementara pasak, puting dan baji kayu pula digunakan untuk mengetatkan pegangan dan sambungan. Jadi, keseluruhan bahagian untuk pembinaan sesebuah bangunan diperolehi dari alam sekitar, misalnya pohon nipah, rumbia dan bertam yang banyak tumbuh di sekitar tempat tinggal mereka di samping rumpun-rumpun buluh dan nibung yang diperolehi di kawasan berdekatan

1.8.5 Sejarah

Kebudayaan Melayu yang wujud pada hari ini adalah hasil pertemuan berbagai budaya yang diwarisi. Pertembungan budaya yang berlaku telah membawa kepada proses difusi budaya asing yang diserapkan dalam kebudayaan setempat. Pembinaan budaya Melayu kini adalah kesan perkembangan sejarah yang lama. Proses difusi budaya, iaitu pertembungan dengan budaya asing telah memberi warna kepada budaya Melayu dan menjadikan budaya Melayu lebih mantap. Keadaan ini dapat dilihat daripada bentuk-bentuk bangunan yang masih wujud di Terengganu pada hari ini. Salah satu contoh ialah surau Hj. Mohamad Kerinci.

Menurut sejarah, Sultan Zainal Abidin pertama berasal dari Johor tetapi dibesarkan di Patani. Semasa pertabalan Baginda sebagai Sultan Terengganu, Baginda telah membawa seramai 80 kelamin orang-orang Patani ke Terengganu. Mereka ini telah menetap di sebuah kampung di Kuala Terengganu yang dikenali dengan nama Kampung Patani.

Hj. Mohamad berasal dari daerah Kerinci, Sumatera, berpindah ke Terengganu dan membina surau di Kg. Tanjong, Kuala Terengganu.
En. Mohamad Riau - berasal dari Riau.
Masyarakat Jambi - berasal dari Jambi.

Mereka juga telah membina bangunan berbentuk Patani di Terengganu. Senibina daripada Patani ini dikatakan berbumbung tinggi dan mempunyai pemelehan. Ia dikenali sebagai rumah tiang 6, 12 dan 16 bergantung kepada kemampuan pemiliknya. Begitu juga dengan atap rumah yang dibawa dari Singgora (Patani).

Hubungan Terengganu dengan Kepulauan Riau telah berlaku semasa pemerintahan sultan-sultan terkemudian. Perhubungan ini telah membawa budaya Riau ke Terengganu dan salah satu daripadanya ialah senibina berbentuk rumah Limas Bungkus (perabung lima). Rumah jenis ini telah diperkenalkan oleh orang Belanda di Riau. Satu lagi bentuk rumah ialah Limas Belanda juga dikatakan ditiru daripada rumah yang terdapat di Kepulauan Riau.

Kedatangan orang-orang Jambi (Sumatera) pula ke Terengganu telah membawa senibina berbentuk Jambi ke Kemaman. Orang-orang Kerinci (Sumatera) pula telah membawa bangunan berbentuk Kerinci.

Perhubungan kerajaan Terengganu dengan Riau sangat erat. Beberapa orang raja Terengganu mengahwini anak raja Riau Lingga.